

10 JUN 2003

MAYC SAMBUT BAIK SARANAN DR MAHATHIR

BACHOK, 10 Jun (Bernama) -- Persatuan Kelab-Kelab Belia Malaysia (MAYC) menyambut baik saranan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya badan bukan kerajaan (NGO) bertindak positif dan tidak menyimpang daripada tujuan asal penubuhan bagi memastikan setiap program yang dirancang mencapai matlamat kerajaan.

Naib presidennya, Datuk Alias Hussin berkata bagi mencapai hasrat itu, MAYC sudah merancang program kemasyarakatan sejak Januari lepas bagi menarik generasi muda mengikuti setiap program kemasyarakatan.

"MAYC yakin penyertaan golongan muda bersama masyarakat dapat mengukuhkan hubungan sesama mereka sekaligus merealisasikan harapan kerajaan menghindarkan perkara yang ditegah kerajaan," katanya kepada Bernama selepas merasmikan pertandingan tinju Tomoi dan seni silat jatuh selama tiga malam yang bermula malam tadi anjuran pergerakan Belia 4B Bachok di sini.

Dr Mahathir ketika berucap pada sesi ketiga Majlis Dialog Bajet 2004 bersama NGO dan agensi kerajaan di Putrajaya semalam berkata sebanyak 782 NGO sosial yang berdaftar di negara ini dapat berperanan dan memberi sumbangan dalam memerangi gejala sosial yang berlaku di negara ini.

Alias berkata selain itu golongan muda dan vateran perlu bekerjasama berkongsi idea bagi memantapkan program yang dikendalikan NGO.

Beliau juga berharap kepimpinan NGO dapat menghindari sikap tamak kuasa hingga menjejaskan perjalanan sesuatu NGO.

Alias juga berharap syarikat swasta dan tokoh-tokoh korporat memberikan lebih banyak sumbangan kepada NGO bagi membantu menjayakan setiap program yang diadakan.

--BERNAMA
ANM RAR ZB